

PAS dakwa penduduk sementara pula jadi pemilih
The Malaysian Insider
08 September, 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 8 Sept — Susulan isu pemastautin tetap, PAS kini mendedahkan kepincangan daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan mendakwa kali ini penduduk sementara pula didaftarkan sebagai pengundi.

Pengerusi Pemulihan Demokrasi dan Mobilisasi Dewan Pemuda PAS pusat Suhaizan Kariat berkata, hasil pemeriksaan pihaknya telah berjaya membongkar satu lagi manipulasi dalam pilihan raya untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

"Kali ini kita bongkarkan tentang bagaimana penduduk sementara ini menjadi pengundi yang sah, penduduk sementara adalah sebelum menjadi pemastautin tetap... pemastautin tetap tidak boleh mengundi, apatah lagi penduduk sementara.

"SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sekali lagi mencatat sejarah apabila penduduk tetap disahkan boleh mengundi, pemeriksaan kita di JPN mendapati pengundi ini memegang kad pengenalan berwarna hijau," kata beliau pada sidang media di sini.

Menurut Suhaizan, pihaknya telah mengenal pasti beribu nama penduduk sementara yang telah didaftarkan sebagai pengundi, namun hari ini hanya mahu mendedahkan tiga nama terlebih dahulu.

"Mereka adalah Numi Syukri yang memegang kad pengenalan bernombor 880306-11-5096, semakan melalui JPN mendapati dia adalah penduduk sementara dan dia boleh mengundi di kerusi DUN (Dewan Undangan Negeri) Hulu Besut dan Parlimen Besut.

"Yang kedua adalah Hasmidah Surahbil juga seorang penduduk sementara tetapi boleh mengundi di DUN Semenyih dan Parlimen Hulu Langat manakala Jamaluddin Tahir yang memegang kad pengenalan bernombor 840803-12-5475 yang boleh mengundi di DUN Bangi dan Parlimen Serdang," katanya.

Ekoran pendedahan terbaru ini, beliau mendesak agar SPR dan JPN memberikan jawapan segera berhubung perkara itu.

"Kita minta JPN beri jawapan adakah benar penduduk tetap ini dibenarkan untuk mengundi, jika benar kemudian kita akan minta SPR pula untuk memberikan penjelasan.

"Kita juga desak agar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak adakan pilihan raya, tidak bubarkan Parlimen selagi perkara-perkara yang dituntut kami dan pihak yang lain diperbaiki. Jika mahu bubar Parlimen juga, kami akan minta rakyat sekali lagi turun dalam perhimpunan Bersih 3.0 sebelum pilihan raya umum ke-13," katanya.

Pesuruhjaya PAS Terengganu Mohd Abdul Wahid Endut pula berkata senarai penduduk tetap yang diberikan hak mengundi melibatkan hampir keseluruhan kawasan negeri itu dengan bilangan yang terbanyak adalah warganegara Myanmar.

"Bermula dari Besut hingga ke Kemaman, kalau SPR tidak berpuas hati kita boleh jumpa, saya ada senarai.

"Ya, jumlah yang terbanyak adalah Myanmar iaitu seramai 5006 orang, ini yang terkini sehingga 24 Julai 2011. Daripada jumlah itu 2,272 berada di Kemaman dan lebih separuh daripada itu berada di Dun Kijal iaitu tempat menteri besar Terengganu," katanya.

Isu daftar menjadi hangat baru-baru ini ekoran pendedahan mengenai tindakan menukar status kewarganegaraan pemastautin tetap kepada warganegara dalam tempoh yang singkat dan ia mendapat bantahan kepimpinan Pakatan Rakyat.

Bagaimanapun perkara itu dinafikan oleh JPN dan SPR.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS Selangor Dr Abd Rani Osman berkata pihaknya tidak boleh menerima kekalahan dengan cara yang salah.

"Kalau kita bertanding di padang yang sama kemudian kita kalah ia tidak mengapa, tapi kalau kita kalah dengan tidak adil itu, kita tidak boleh terima," katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-dakwa-penduduk-sementara-pula-jadi-pemilih/>